

**PERSPEKTIF KAUNSELOR TERHADAP KANAK-KANAK BERCIRIKAN
PERSONALITI INDIGO BERDASARKAN PENDEKATAN
TEORI PILIHAN TERAPI REALITI**

YUAN MENG YONG

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BIMBINGAN DAN
KAUSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti personaliti kanak-kanak bercirikan Indigo dan mengkaji keberkesanan CTRT dalam membantu kanak-kanak Indigo ke arah perkembangan positif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kajian kes untuk memperoleh maklumat secara mendalam. Sampel kajian terdiri daripada empat (4) orang kaunselor di sekitar Miri, Sarawak yang dipilih secara persampelan bertujuan. Data yang dikumpul melalui temubual ke atas empat (4) orang sampel kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Nvivo* versi 10.0. Dapatan kajian telah memberi gambaran umum tentang personaliti kanak-kanak bercirikan Indigo, keperluan kanak-kanak bercirikan Indigo dari perspektif CTRT, proses pengendalian kaunselor berdasarkan CTRT, penglibatan kaunselor dalam membantu kanak-kanak bercirikan Indigo dan kesan CTRT ke atas perkembangan golongan kanak-kanak berkenaan. Secara umumnya, kajian telah menunjukkan bahawa CTRT telah berjaya membantu kaunselor dalam proses menjalankan hubungan dengan kanak-kanak bercirikan Indigo. Selain itu, kajian turut menunjukkan bahawa CTRT berjaya membantu golongan kanak-kanak tersebut untuk mendalami dunia mereka dan membuat penilaian secara menyeluruh. Akhir sekali, perkembangan positif kanak-kanak bercirikan Indigo tersebut telah diperhatikan setelah mereka memperoleh bantuan dari kaunselor yang mempraktikkan tingkah laku membina seperti mana yang digariskan oleh CTRT. Kajian ini memberi implikasi ke atas perkembangan amalan bimbingan dan kaunseling dan menekankan fungsi kanselor sepanjang proses bimbingan dan kaunseling diamalkan. Selain itu, kajian ini telah memperbaharui perspektif orang ramai terhadap kanak-kanak bercirikan Indigo. Seterusnya, bagaimana CTRT dipraktikan dalam usaha memperkembangkan golongan kanak-kanak ini ke arah positif turut membuka mata para pendidik dan penyelidik. Secara keseluruhan, kajian ini telah mewujudkan satu pentas kepada para pendidik dan penyelidik untuk menilai semula keperluan golongan kanak-kanak ini serta mencadangkan alternatif-alternatif yang boleh diambil untuk membantu kanak-kanak tersebut.

**COUNSELLORS' PERSPECTIVE TOWARDS CHILDREN
CHARACTERISTIC BY INDIGO PERSONALITY BASED ON CHOICE
THEORY REALITY THERAPY APPROACH**

ABSTRACT

This study was designed to investigate the characteristics of children with Indigo's personalities and review the effectiveness of Choice Theory Reality Therapy in helping this group towards positive development. A qualitative case study is used to obtain information related in depth in this study. The samples of this study consist of four (4) counsellors around Miri, Sarawak. They are selected by using purpose sampling. Data collected from interview with four (4) counsellors was analyzed using Nvivo Version 10.0 software. This study gave an overview of characteristics of children with Indigo's personalities and their needs from CTRT perspective, handling process and involvement of CTRT's counsellor in helping this group of children and the effects of CTRT on their development. Generally, this study showed that CTRT are able to help counsellors in the process of establishing relationships with children with Indigo's personalities. In addition, this study also underlined that CTRT helped this group of children to explore their world and make a thorough assessment for themselves. Finally, positive developments were observed after the group of children obtain help from counsellors who practice CTCT as their daily basics. This study showed implication for the development of guidance and counselling practices and stressed the function of counsellors throughout the process. In addition, this study renewed public's perspective on children with Indigo's personalities. Next, how CTRT been used to help children with Indigo' personalities toward positive development opened the eyes of educators and researchers. In conclusion, this study had created a platform for educators and researchers to reassess the needs of Children with Indigo's personalities and as well as suggesting alternatives which can be taken to help this group of children.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	
SENARAI SINGKATAN	
SENARAI LAMPIRAN	
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	10
1.4 Kerangka Teoritikal Kajian	
1.4.1 Asas Teoritikal Kanak-kanak Indigo	
1.4.1.1 Sejarah Perkembangan Isu Berkaitan Kanak-kanak Indigo	18
1.4.1.2 Model Personaliti Indigo	26

1.4.2	Kanak-kanak Indigo Berdasarkan Perspektif Psikologi Lain	
1.4.2.1	Indigo berdasarkan Perspektif Teori Psikoanalisis	30
1.4.2.2	Indigo berdasarkan Perspektif Teori Neo-Psikoanalisis	32
1.4.2.3	Indigo berdasarkan Perspektif Teori Humanistik	34
1.4.3	Aplikasi Perspektif Teori Pilihan Terapi Realiti Dalam Kanak-kanak Indigo	35
1.5	Tujuan Kajian	
1.5.1	Tujuan Kajian	45
1.5.2	Objektif Kajian	46
1.5.3	Persoalan Kajian	47
1.6	Kepentingan Kajian	
1.6.1	Perkembangan Ilmu Pengetahuan dan Teori	47
1.6.2	Perkembangan Amalan Bimbingan dan Kaunseling	48
1.6.3	Masyarakat	50
1.7	Definasi	
1.7.1	Definasi Konsep	52
1.7.2	Definasi Operasional	60
1.8	Limitasi Kajian	58
1.9	Kerangka Konsep Kajian	60
1.10	Rumusan	62

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	61
2.2	Kajian Lepas Mengenai Kanak-kanak Indigo	
2.2.1	Kajian Lepas Mengenai Kanak-kanak Indigo di Luar Negara	64
2.2.2	Kajian Lepas Mengenai <i>Gifted Children</i>	66
2.2.2	Kajian Lepas Mengenai ADHD, ADD, <i>Autism</i>	67
2.3	Kajian Indigo Berdasarkan Perspektif Teoritikal	
2.3.1	Kajian Lepas <i>Gifted</i> , ADHD, ADD, Disleksia dan Autism di Luar Negara Berdasarkan Perspektif CTRT dan Beberapa Teori Lain	68
2.3.2	Kajian Luar Negara Mengenai Indigo Berdasarkan Perspektif CTRT dan Lain-lain Teori	69
2.4	Rumusan	70

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	71
3.2	Reka Bentuk Kajian	72
3.3	Sampel Kajian	73
3.4	Kaedah Mengumpul Data	
3.4.1	Temubual	76
3.5	Instrumen Kajian	
3.5.1	Temu Bual	80
3.6	Kajian Rintis	83
3.7	Pengumpulan Data	84
3.8	Analisis Data	85

3.9	Rumusan	85
-----	---------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN


4.1	Pendahuluan	87
4.2	Latar Belakang Sampel	88
4.3	Dapatan Kajian	95
4.4	Analisis Kajian	
4.4.1	Persoalan Kajian 1: Apakah Ciri-Ciri Kanak-Kanak Indigo?	
4.4.1.1	ADD/ADHD atau Isu Kesihatan yang Lain	105
4.4.1.2	Kreatif	107
4.4.1.3	Konsep Kendiri dan Imej Kendiri yang Tinggi	109
4.4.1.4	Memiliki Kesedaran dan Kebijaksanaan yang Tinggi	112
4.4.1.5	Intuitif, Bersifat Psikik dan Telapati	115
4.4.1.6	Perhubungan dan Persahabatan yang Lemah	118
4.4.1.7	Bersifat Memberontak, Menentang dan Tidak Akur Terhadap Ritual, Struktur dan Pihak Berkuasa.	123
4.4.2	Persoalan Kajian 2: Sejauhmanakah Kaunselor Memahami Keperluan Kanak-kanak Bercirikan Indigo?	
4.4.2.1	Keperluan Manusia dari Aspek Kasih Sayang	126
4.4.2.2	Keperluan Manusia dari Aspek Kebebasan	130
4.4.2.3	Keperluan Manusia dari Aspek Kegembiraan	132
4.4.2.4	Keperluan Manusia dari Aspek Kuasa	134
4.4.2.5	Keperluan Manusia dari Aspek Kelangsungan Hidup	136

4.4.3	Persoalan Kajian 3: Sejauhmanakah Kaunselor Mempraktikan Tujuh Proses Pengendalian Membina Menurut CTRT?	
4.4.3.1	Proses Pengendalian Membina	139
4.4.3.2	Proses Pengendalian Membina	146
4.4.4	Persoalan Kajian 4: Sejauhmanakah Tahap Kefahaman Kaunselor Terhadap Permasalahan Utama Kanak-kanak Indigo Berdasarkan CTRT	
4.4.4.1	Fokus kepada Permasalahan yang Berlaku Pada Ketika Ini	150
4.4.4.2	Fokus kepada Permasalahan Secara Menyeluruh	152
4.4.5	Persoalan Kajian 5: Sejauhmanakah Kesesuaian CTRT Dalam Membantu Kanak-kanak Indigo Ke Arah Perkembangan Positif	157
4.5	Rumusan	160

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pendahuluan	162
5.2	Rumusan dapatan Kajian	163
5.3	Perbincangan Kajian	
5.3.1	Ciri-Ciri Kanak-kanak Indigo	167
5.3.2	Keperluan Manusia Mengikut Sudut Pandangan CTRT	173
5.3.3	Proses Pengendalian Kaunselor Mengikut Sudut Pandangan CTRT	177
5.3.4	Tahap Kefahaman Kaunselor Terhadap Permasalahan Utama Kanak-kanak Indigo Berdasarkan CTRT	180
5.3.5	Kesan CTRT ke Atas Perkembangan Positif Kanak-kanak Indigo	182
5.4	Implikasi Kajian	
5.4.1	Perkembangan Ilmu Pengetahuan dan Teori	184

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
1.1	Ilustrasi fikiran manusia berdasarkan konsep iceberg (Frued, 1967)	31
1.2	Lapan peringkat perkembangan psikososial Erikson	33
1.3	Tingkah laku ahli terapi yang membina dan membinasa	40
3.1	Definisi dan kategori kajian kes (Baxter & Jack, 2008)	79
3.2	Fungsi soalan temu bual mengikut jenis soalan (Kvale, 1996)	82
4.1	Bilangan item yang telah dikodkan mengikut sampel berdasarkan	98
5.1	Perbandingan dapatan kajian dengan kajian lepas (tema 1)	171
5.2	Perbandingan dapatan kajian dengan kajian lepas (tema 2)	176
5.3	Perbandingan dapatan kajian dengan kajian lepas (tema 3)	179
5.4	Perbandingan dapatan kajian dengan kajian lepas (tema 4)	182
5.5	Perbandingan dapatan kajian dengan kajian lepas (tema 5)	183

SENARAI RAJAH

No Rajah		Muka Surat
1.1	Model Personaliti Indigo (Masters, 2008)	26
1.2	Hirarki Keperluan Maslow	35
1.3	Rumusan Keperluan Asas Mengikut Teori Pilihan (William Glasser Institute)	37
1.4	Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian berdasarkan CTRT	42
1.5	Kerangka Konsep kajian	62
4.1 (a)	Item yang Dikodkan Berdasarkan Tema Kajian Bagi Sampel 1	99
4.1(b)	Item yang Dikodkan Berdasarkan Tema Kajian Bagi Sampel 2	100
4.1 (c)	Item yang Dikodkan Berdasarkan Tema Kajian Bagi Sampel 3	101
4.1 (d)	Item yang Dikodkan Berdasarkan Tema Kajian Bagi Sampel 4	102

SENARAI SINGKATAN

ADD	<i>Attention Deficit Disorder</i>
ADHD	<i>Attention Deficit Hyperactive Disorder</i>
CTRT	Teori Pilihan Terapi Realiti

SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temuramah
- B Sebaran Pencarian Sampel Kajian
- C Borang Pemakluman Kajian
- D Transkrip Temubual
- E Analisis Temubual Dengan Menggunakan Perisian Nvivo Versi 10.0
- F Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Universiti Pendidikan Sultan Idris
- G Surat Kelulusan Menjalankan Kajian EPRD



BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan perkara-perkara asas yang berkaitan dengan kajian yang meliputi latar belakang kajian, pendekatan teori, pernyataan masalah, tujuan kajian, kesignifikan kajian, definisi pembolehubah kajian dan hipotesis kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pelbagai fenomena dan istilah baru telah diwujudkan ekoran daripada pertembungan budaya antara individu yang berlainan, baik dari aspek kaum, jantina, etnik, status sosial-

ekonomi, bahasa, sejarah mahupun kepercayaan (Banks & Banks, 2010; Elizabeth, 1998). Antara istilah yang hangat diperbahaskan pada masa kini, terutamanya di negara-negara barat adalah “kanak-kanak Indigo”.

Istilah “kanak-kanak Indigo” pada dasarnya dihubungkan dengan kesedaran masyarakat Lemuria yang dilahirkan selepas pertembungan budaya antara masyarakat tersebut dengan pendatang dari negara-negara Eropah yang mula menjajah mereka pada sekitar tahun 1990 (Whedon, 2004). Menurut Whedon (2004) dan Ramaswamy (2004), sejarah berkaitan dengan Tamadun Lemuria boleh dijejaki sehingga ke lapan ribu tahun sebelum masihi. Walaupun Tamadun Lemuria dikatakan wujud sezaman dengan Tamadun Atlantics, namun, para penyelidik seperti Nan Madol (2013), John (2013), Marion (2012), Howard (2012) dan John (2012), bersetuju bahawa tamadun berkenaan telah menerajui kemahiran teknologi pada masa itu. Selain itu, masyarakat Lemuria ini mengutamakan aspek kerohanian (Bramwell, 1974). Mereka mengutamakan keamanan dan kesejahteraan sesama insan, memberi tumpuan dalam bidang kesenian, mempunyai bentuk badan yang kecil dan susah untuk bersaing dengan masyarakat lain atau binatang buas di sekitar mereka. Sebelum tamadun tersebut dimusnahkan oleh bencana dan ditenggelami ke dasar lautan Pasifik (Neild, 2007), sebahagian rakyat Lemuria yang sempat menyelamatkan diri telah melarikan diri dan menetap di Amerika Utara (Whedon, 2004). Selepas penghijrahan, mereka meneruskan kehidupan yang aman berdasarkan ajaran dan kebijaksanaan nenek moyang mereka sehingga penjajahan berlaku. Pengaruh negara-negara Eropah yang menjajah mereka telah menimbulkan kesedaran masyarakat tersebut untuk menegakkan hak dan kebebasan mereka.

Sehingga ke hari ini, penggunaan istilah kanak-kanak Indigo telah menjadi semakin popular dalam kalangan ahli terapi di luar negara. Namun, setakat ini, tiada dokumen yang diterima umum dan secara saintifik direkodkan mengenai kewujudan kanak-kanak Indigo. Masih terdapat ramai orang yang cuba mempertikaikan penggunaan istilah tersebut. Ada penyelidik telah menyatakan bahawa kanak-kanak Indigo hanya merupakan satu mitos atau teknik yang digunakan oleh sesetengah penulis buku untuk melariskan buku atau mana-mana produk berkaitan dengan isu tersebut (Colangelo, 2003; dalam Trotta, 2013). Namun, para penyokong dalam isu ini tetap berpegang kepada pendirian mereka bahawa terdapat kaitan secara spiritual dan saintifik dalam kajian berkaitan dengan golongan ini. Antara mereka ialah Tappe (1986), yang telah menegaskan bahawa buku yang dikarya adalah berdasarkan kajian yang dilakukan bersama-sama dengan pakar psikiatrik.

Istilah Indigo telah diperkenalkan oleh Nancy Ann Tappe pada tahun 1982 dalam bukunya bertajuk "Understand Your Life Through Color". Tappe (1982), menggunakan istilah tersebut untuk menghuraikan sekumpulan kanak-kanak dalam kajian parapsikologikal, yang mana mereka dikatakan mempunyai personaliti yang istimewa, pada tahun 1970. Pelbagai buku dan tayangan yang berkaitan dengan kanak-kanak Indigo telah dihasilkan sejak penerbitan buku tersebut (Masters, 2008). Penggunaan istilah kanak-kanak Indigo ini telah memberi pandangan baru kepada golongan kanak-kanak yang sebelum ini dianggap sebagai kanak-kanak yang mempunyai ciri-ciri seperti kurang tumpuan, tidak mematuhi arahan, suka mendiam diri, cepat marah dan telah dikenali sebagai murid yang bermasalah oleh ibu bapa dan guru di sekolah (Heather, Linda & Carol, 2011).

Walau bagaimanapun, Trotta (2013) mempunyai pandangan yang berbeza dan menyatakan bahawa kanak-kanak Indigo biasanya dikaitkan dengan generasi baru (*The New Generation*) yang mana mereka mempunyai kesedaran atau “*consciousness*” yang berbeza daripada orang lain. Antara peristiwa yang menarik tentang kanak-kanak Indigo ini adalah mengenai seorang kanak-kanak Rusia berumur tujuh tahun yang bernama Boriska. Dalam satu perkhemahan yang telah dihadapinya, beliau telah meminta rakan-rakan lain supaya berkumpul di depannya dan memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap apa yang ingin disampaikan. Ketika itu, beliau memberitahu para hadirin bahawa dirinya berasal dari planet Marikh. Berdasarkan tujuan penyelidikan dan perdagangan, beliau sering melawati Tamadun Lemuria di Bumi. Ketika itu, beliau telah berkenalan dengan seorang rakan baik di situ. Walau bagaimanapun, rakannya telah terkorban dalam bencana alam yang telah menenggelami keseluruhan tamadun yang penuh dengan kesenian tersebut (Pravda, 2004; Anna, 2004; Julia 2008). Beliau turut meramalkan bahawa malapetaka akan melanda salah sebuah negara di bumi pada tahun 2008 dan peristiwa tersebut akan mengorbankan beribu-ribu nyawa manusia dari benua, yang mana negara itu berada. Sebahagian penyelidik percaya bahawa malapetaka yang dimaksudkan merupakan penyebaran selesema bermusim atau lebih dikenali sebagai Influenza A (H1N1) yang berlaku di negara China kerana pada tahun tersebut, beribu-ribu nyawa dari benua Asia telah terkorban ekoran daripada kejadian tersebut. Selain daripada ramalan pertamanya, beliau turut meramalkan bahawa negara yang sama akan mengalami sekali malapetaka yang serius bagi mengingatkan rakyatnya bahawa kuasa yang dipunyai oleh Tuhan Yang Maha Esa. Ramalan tersebut sekali menyokong pandangan penyelidik memandangkan

bahawa kurang daripada satu peratus daripada rakyat Negara China menganut mana-mana agama dan berpegang kepada ajaran agama (Russia"Pradva" 2010).

Situasi lain tentang keistimewaan kanak-kanak Indigo boleh dilihat pada adik-beradik, Jesse dan Mattea. Proses perkembangan Jesse dan Mattea yang luar biasa pula diriwayatkan oleh Whedon (2004), bagi menerangkan ciri-ciri kanak-kanak Indigo. Kedua-dua anak kelahiran Renee Weddle mempunyai personaliti yang amat berbeza dengan kanak-kanak lain sebaik sahaja dilahirkan. Carroll and Tober (2001), mengisahkan semula dapatan temu bualnya dengan Renee dan menegaskan bahawa kedua-dua kanak-kanak tersebut jarang menangis, suka bersendirian dan boleh berdikari, suka menolong, mempunyai impian dan hala tuju yang amat jelas, sensitif kepada makanan dan perasaan orang lain serta sentiasa menyuarakan pemikiran dan kehendak mereka sendiri.

Secara keseluruhan, tokoh-tokoh dalam isu kanak-kanak Indigo telah bersetuju dengan beberapa ciri-ciri personaliti golongan kanak-kanak yang istimewa ini. Menurut beberapa tokoh seperti Masters (2013), kanak-kanak Indigo mempunyai harga diri yang tinggi (Carroll & tober, 1999; Vritua, Condrón, Dosick & Dosick, Haradin, Atwater, 2005) dan biasanya dianggap sebagai individu yang terlalu angkuh atau susah didampingi (Trotta, 2013). Mereka cenderung untuk tidak mematuhi pihak yang berkuasa (Carroll & tober, 1999; Vritua, Dosick & Dosick, Haradin, Atwater, 2005; Jaffe and Davidson; Grill, Chapan, Altaras & Tappe, 2011; Atwater, 2005; Carroll & tober, 1999, 2001, 2009; Champman & Flynn, 2007; Day & Gale, 2004, Tappe, 2009, Thivierge, 2011) sebaliknya mereka cuba memuaskan intuitif diri sendiri (Altaras & Tappe, 2011; Atwater, 2005;

Caroll & Tober, 1999, 2001, 2009; Champman & Flynn, 2007; Day & Gale, 2004, Tappe, 2009, Thivierge, 2011). Mereka mempunyai daya tumpuan yang rendah pada satu-satu perkara dan sensitif dari aspek emosi. Oleh itu, ramai kanak-kanak Indigo telah dikenal pasti sebagai *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD) atau *Attention Deficit Disorder* (ADD). Walau bagaimanapun, mereka merupakan kanak-kanak yang kreatif dan mempunyai pemikiran yang lebih matang jika dibandingkan dengan kanak-kanak lain yang sebaya. Kadang-kala mereka boleh memberikan penyelesaian ke atas masalah yang rumit tanpa kesedaran diri mereka (Trotta, 2013). Dari aspek pergaulan, mereka adalah lemah untuk berkawan dengan orang lain tetapi hubungan yang dijalinkan oleh mereka biasanya rapat (Trotta, 2013).

Antara tokoh yang giat dalam membahaskan isu berkaitan dengan ciri-ciri kanak-kanak Indigo adalah Lee Carroll. Sebelum melibatkan diri dalam bidang berkaitan dengan kanak-kanak Indigo, seorang peramal psikik telah bertemu dengan Carroll dan membuat ramalan bahawa Carroll akan melibatkan diri dalam bidang berkaitan dengan kerohanian. Peramal yang berbeza telah membuat ramalan yang sama terhadapnya tiga tahun selepas itu. Selepas dari ramalan tersebut, Carroll telah melibatkan diri dalam persatuan yang dikenali sebagai Kryon dan terlibat secara aktif dalam bengkel-bengkel yang dianjurkan oleh persatuan tersebut. Tober, selaku pengasas bersama (*co-founder*) *Church of Awareness*, San Diego, (Caroll & Tober, 2001), telah lama terlibat dalam pelaksanaan bengkel di bawah Persatuan Kryon. Carroll dan Tober sering bersemuka dengan individu yang mendakwa diri mereka sebagai kanak-kanak Indigo. Dari situ, mereka cuba memahami dan membantu mereka memahami ciri-ciri kanak-kanak Indigo dan membantu

perkembangan kanak-kanak yang cuba didampingi. Hasil pertemuan tokoh-tokoh berkenaan telah mendapati bahawa kanak-kanak ini mempunyai ciri-ciri yang istimewa dan susah didampingi oleh para ahli terapi.

Kanak-kanak Indigo tersebut mudah kehilangan kepercayaan terhadap orang lain dan tidak akur kepada peraturan yang ditetapkan. Oleh yang demikian, ahli terapi yang mengamalkan teori-teori seperti teori tingkah laku atau Teori Rasional Emotif Tingkahlaku (REBT) mungkin akan menghadapi masalah ketika berdepan dengan klien mereka melainkan perhubungan yang amat rapat dijalin sebelum proses terapi bermula. Oleh yang demikian, selain dari Teori Tingkah laku dan REBT, Teori Pilihan Terapi Realiti yang mengambil berat tentang keperluan klien didapati bersesuaian dengan personaliti kanak-kanak golongan tersebut.

Teori Pilihan atau *Choice Theory* dipelopori oleh William Glasser, MD. Ia merupakan kemuncak kepada pengamalan teori kaunseling dan psikologi bagi 50 tahun kebelakang ini (Glasser, 1998). Teori Pilihan menegaskan bahawa tingkah laku manusia adalah penting terhadap kewujudan seseorang dan ianya dipengaruhi oleh lima keperluan yang didorong secara fisiologi sepertimana yang dinyatakan oleh Abraham Maslow. Glasser (1998) telah membuat pengubahsuaian dan menyenaraikan keperluan asas manusia menurut Teori Pilihan. Menurut Glasser, keperluan asas manusia termasuk: 1) kelangsungan hidup (*Survival*); 2) rasa kepunyaan (*Belonging and Love*); 3) kuasa (*Power*); 4) kebebasan (*Freedom*) dan 5) kegembiraan (*Fun*).

Dalam konteks kanak-kanak Indigo, masalah sering timbul dalam kalangan kanak-kanak tersebut kerana mereka tidak difahami (Trotta, 2012). Tingkah laku dan pemikiran mereka sering dikongkong. Keadaan sedemikian telah menyebabkan mereka memencilkan diri kerana seingkali mereka berpendapat bahawa kreativiti mereka tidak dihargai oleh orang di sekeliling mereka terutamanya orang dewasa. Hubungan antara kanak-kanak Indigo dengan penjaga mereka boleh diperbaiki dan seterusnya membantu perkembangan golongan kanak-kanak ini jika orang dewasa sanggup mendengar dan cuba memenuhi keperluan mereka. Keadaan sedemikian boleh dilihat dalam keadaan Renee yang mana perhubungan antara Renee dan anaknya telah mengalami perubahan positif setelah Renee, dengan bantuan Caroll, cuba memahami perasaan dan keperluan anak-anaknya dan bukan sekadar merujuk anak-anaknya kepada ahli psikologi apabila masalah timbul (Whedon, 2004).

Terapi Realiti memberi fokus kepada tanggung jawab individu dalam kehidupan (Jazimin, Zuria & Noriah 2008; Othman, 2005). Menurut teori ini, krisis yang berlaku pada manusia adalah disebabkan dua perkara utama iaitu persekitaran dan konflik dalaman individu berkenaan. Matlamat utama teori ini adalah bertujuan untuk membantu seseorang individu memahami kecelaruan yang berlaku pada seseorang individu atau orang di sekelilingnya. Orang dewasa menerima perkara yang berlaku di sekeliling mereka melalui penyesuaian fizikal, tekanan dan pengaruh sosial dan perubahan dari aspek nilai, kepercayaan, identiti sendiri, dan perhubungan dengan orang lain. Walau bagaimanapun, kanak-kanak atau mereka yang lebih muda kadang-kala tidak memahami keadaan sedemikian. Sebaliknya, mereka beranggapan bahawa ibu bapa, guru atau orang dewasa

sering menggunakan tipu muslihat atau melakukan tingkah laku yang hanya berfaedah untuk orang dewasa bagi mengaburkan perwatakan dan kedudukan diri mereka dalam kehidupan (Watson, 2005). Bagi kanak-kanak Indigo, harga diri dan konsep diri yang tinggi akan menimbulkan konflik dalaman pada diri mereka.

Jazimin (2007), menegaskan bahawa pembentukan perhubungan yang tulen (*genuine*), bersikap mesra, penerimaan tanpa syarat, mendengar yang aktif, menunjukkan empati, memberikan fokus kepada isu yang dibincangkan, memberikan maklum balas dengan tepat, sanggup melakukan pendedahan sendiri pada keadaan yang sesuai dan bersikap humor merupakan kemahiran yang perlu dipraktikkan dalam sesi kaunseling berasaskan Terapi Realiti. Kenyataan tersebut disokong oleh Banks (2011), Schenck (2011) dan Geraldine (2011) dengan menyenaraikan tujuh (7) tingkah laku yang membantu kaunselor yang mempraktikkan Terapi Realiti, iaitu memberi sokongan kepada klien, menggalakkan klien membuat pilihan sendiri, mendengar secara aktif, menerima klien, mempercayai klien, menghormati klien dan membincangkan pecanggahan pandangan secara positif dengan klien. Teori ini didapati lebih sesuai dengan kanak-kanak Indigo kerana mereka sering berasa tidak selamat dan tidak difahami oleh orang lain di sekelilingnya. Penerimaan dan pemahaman orang ramai membolehkan diri mereka menjadi lebih terbuka apabila sesi perkongsian dilaksanakan.

1.3 Penyataan Masalah

Tokoh-tokoh yang giat dalam isu kanak-kanak Indigo seperti Gill (2006) dan Chapman & Flynn (2007), memberi pandangan bahawa dari aspek perkembangan kanak-kanak berkenaan menunjukkan ciri-ciri yang dianggap ketinggalan jika dibandingkan dengan rakan-rakan sebaya yang lain.

Tokoh-tokoh dalam isu berkait kanak-kanak Indigo memberi pandangan bahawa kanak-kanak berkenaan menunjukkan ciri-ciri yang dianggap ketinggalan dalam beberapa peringkat perkembangan seperti peringkat intimasi dan generativiti jika dibandingkan dengan rakan sebaya yang lain menurut Teori Perkembangan (Masters, 2008).

Gill (2006), melaporkan bahawa kanak-kanak Indigo bersifat introvert, sentiasa memencilkan diri, tidak suka ikut arahan pihak berkuasa dan boleh dikategorikan sebagai anti sosial. Chapman dan Flynn (2007), pula mencadangkan bahawa kanak-kanak Indigo cenderung menghadapi masalah dalam perhubungan mereka disebabkan mereka mempunyai emosi yang berubah-ubah secara mendadak. Ciri-ciri yang dicadangkan oleh penulis-penulis buku tersebut menunjukkan bahawa kanak-kanak Indigo adalah ketinggalan dalam peringkat intimasi, iaitu peringkat ke-8 dalam peringkat perkembangan Erikson.

Selain daripada ketinggalan dalam peringkat intimasi, penyelidik dan pendidik turut menganggap bahawa golongan kanak-kanak ini adalah ketinggalan pada peringkat generativiti. Ciri-ciri Indigo yang menunjukkan bahawa mereka adalah ketinggalan jika berbanding dengan rakan sebaya yang lain di peringkat ini termasuklah kanak-kanak Indigo cenderung untuk tidak menerima arahan dan tidak suka untuk bekerja di syarikat besar yang mana syarikat tersebut telah menetapkan pelbagai peraturan yang perlu dipatuhi atau diikuti (Chapman & Flynn, 2007).

Oleh kerana kanak-kanak Indigo menunjukkan ciri-ciri seperti tidak boleh duduk diam di dalam kelas, mereka sering dibawa ke hospital untuk menjalani ujian yang berkaitan dengan *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD). Bagi kes yang difikirkan serius, mereka akan diberi ubat-ubatan seperti *Ritalin* (*Methylphenidate*) supaya ubat tersebut mengawal rembesan bahan kimia dari otak dan sistem saraf kanak-kanak yang terlibat bagi mengawal kegiatan hiperaktif mereka. Walau bagaimanapun, sebahagian ibu bapa, yang mana anak mereka diberikan ubat-ubatan ini secara berpanjangan, merasakan bahawa tindakan tersebut tidak wajar kerana ianya tidak membantu anak-anak mereka, sebaliknya menghadkan perkembangan kanak-kanak semasa kecil (Peter, 2001).

Di Amerika Syarikat, penerimaan terhadap konsep kanak-kanak Indigo telah meningkat sejajar dengan krisis yang dikaitkan dengan para remaja di negara tersebut. Secara amnya, dua krisis tersebut termasuk peningkatan remaja yang dikenal pasti sebagai ADD/ADHD dan kesedaran masyarakat tempatan terhadap keganasan remaja.